



PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK  
JABATAN PERDANA MENTERI

# GARIS PANDUAN



KONVENTSYEN KIK  
JABATAN/AGENSI PERSEKUTUAN  
NEGERI SARAWAK  
TAHUN 2023



# **GARIS PANDUAN KONVENTSYEN KIK JABATAN/AGENSI PERSEKUTUAN NEGERI SARAWAK TAHUN 2023**

## **1. PENGENALAN**

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan kaedah pelaksanaan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Jabatan/Agensi Persekutuan Negeri Sarawak bagi Tahun 2023. Garis panduan ini adalah selaras dengan Peraturan dan Syarat-Syarat Penyertaan Konvensyen *Innovative and Creative Circle (ICC)* Peringkat Kementerian/ Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/ Pejabat Residen Dan Daerah (R&DO)/Jabatan Premier Sarawak (JPS)/ Agensi Negeri /Agenzi Persekutuan Tahun 2023.

## **2. OBJEKTIF**

Objektif Konvensyen KIK Peringkat Jabatan/Agensi Persekutuan Negeri Sarawak adalah untuk:

- i. Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga perkhidmatan awam persekutuan yang terlibat dalam penghasilan inovasi serta memberi peluang kepada Kumpulan KIK membuat persembahan;
- ii. Sebagai platform saringan kepada pertandingan *Sarawak Civil Service Innovation Convention Awards (SCSICA)* yang dianjurkan oleh Unit Transformasi dan Inovasi Sarawak, Jabatan Premier Sarawak;
- iii. Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam kalangan warga perkhidmatan awam persekutuan agar dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan jabatan/agensi masing-masing;
- iv. Memperkenalkan dan menyebarkan hasil-hasil inovasi yang telah dilaksanakan dan terbukti mendatangkan manfaat agar dapat dicontohi dan diamalkan jabatan/agensi lain di dalam dan di luar negara; dan
- v. Menerapkan konsep *knowledge-based* dan *creativity-driven* bagi membolehkan organisasi menghasilkan inovasi yang memberi nilai tambah kepada produk dan perkhidmatan.

### **3. PEMBENTUKAN KUMPULAN**

#### **i. KIK Primer**

Sekumpulan kakitangan yang terdiri daripada sekurang-kurangnya **2 orang** tetapi **tidak melebihi 8 orang termasuk Ketua Kumpulan** dari agensi sama untuk melaksanakan projek KIK.

#### **ii. KIK Hibrid**

Sekumpulan kakitangan terdiri daripada **2 atau lebih Jabatan/Agenzi yang berlainan fungsi**. Gabungan beberapa Jabatan/Agenzi ini akan melaksanakan projek KIK yang melibatkan isu/masalah/perkara yang berkaitan di antara Jabatan terlibat. Bilangan ahli (**tidak melebihi 8 orang termasuk Ketua Kumpulan**) tertakluk pada skala, kos, kategori projek dan dipersetujui bersama oleh pihak yang melaksanakan projek.

### **4. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**

Syarat-syarat penyertaan seperti berikut:

- i. Penyertaan adalah **terbuka** kepada semua Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) diperingkat Jabatan/Agenzi Persekutuan di negeri Sarawak;
- ii. Kumpulan KIK yang dicalonkan mestilah merupakan Kumpulan KIK yang telah mempersembahkan projek mereka kepada Pengurusan di peringkat Jabatan/Agenzi masing-masing;
- iii. Projek KIK yang dikemukakan hendaklah merupakan projek yang belum pernah dipertandingkan dalam mana-mana Sarawak Civil Service Innovation Convention Awards (SCSICA) yang dianjurkan oleh Unit Transformasi dan Inovasi Sarawak, Jabatan Premier Sarawak sebelum ini;
- iv. Projek KIK juga hendaklah merupakan hasil penciptaan kumpulan sendiri dan merupakan idea tulen. Bagi projek yang pernah menyertai mana-mana pertandingan Konvensyen KIK di dalam dan di luar Sarawak, projek tersebut dibenarkan untuk bertanding dengan syarat membuat penambahbaikan yang ketara pada projek tersebut;

- v. Projek KIK hendaklah telah selesai dilaksanakan sebelum konvensyen pada tahun semasa;
- vi. Kumpulan KIK wajib hadir sesi pembentangan semasa konvensyen KIK;
- vii. Pihak urus setia konvensyen KIK berhak untuk membuat sebarang pindaan terhadap mana-mana syarat penyertaan pada bila-bila masa tanpa perlu merujuk kepada peserta;
- viii. Pihak urus setia berhak menerima atau menolak penyertaan dari mana-mana kumpulan KIK berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan dan juga di atas kuasa pertimbangan (sekiranya perlu). Keputusan pemilihan kumpulan-kumpulan untuk menyertai konvensyen oleh pihak urus setia adalah muktamad; dan
- ix. Mana-mana kumpulan yang telah mengesahkan penyertaan adalah dilarang sama sekali menarik diri dari konvensyen pada saat-saat akhir tanpa sebab yang munasabah.

## 5. TATACARA PENYERTAAN

### 5.1 BORANG PERMOHONAN PENYERTAAN

- 5.1.1 Urus setia mengambil maklum penyertaan adalah berdasarkan borang permohonan yang telah diisi kepada urus setia SCSICA, iaitu pihak Unit Transformasi dan Inovasi Sarawak, Jabatan Premier Sarawak secara atas talian di Portal ICC (<https://scsic.sarawak.gov.my>) dan wajib menyertakan salinan surat kelulusan dan persetujuan Ketua Jabatan mengenai pelantikan Kumpulan ICC dan tajuk projek inovasi terlibat. Pendaftaran penyertaan adalah **dibuka mulai 8 April 2023 sehingga 31 Mei 2023**.
- 5.1.2 Untuk tujuan pengesahan penyertaan bagi Konvensyen KIK Jabatan/Agensi Persekutuan Negeri Sarawak Tahun 2023 , wakil ahli kumpulan perlu mengisi pengesahan penyertaan secara atas talian di pautan <https://shorturl.at/bcuHI> imbas QR code di bawah.



## **5.2 PENYEDIAAN DOKUMEN**

Setiap penyertaan perlu mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:

### **5.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

- a) Ringkasan Eksekutif perlu merangkumi:
  - i) Penerangan Projek ICC;
  - ii) Penerangan kategori inovasi;
  - iii) Penjelasan keberhasilan projek (*Outcome/ Impak*); dan
  - iv) Penyeragaman/Replikasi (potensi pengembangan projek).
- b) Sediakan laporan ringkasan eksekutif menggunakan **font Arial bersaiz 12** dan **1.15 spacing**.
- c) Laporan tersebut adalah terhad kepada **satu (1) muka surat A4** sahaja.

### **5.2.2 LAPORAN KOMPREHENSIF PROJEK**

- a) Laporan yang disediakan perlu merangkumi:
  - i) Mengikut urutan kriteria-kriteria yang ditetapkan
  - ii) Signifikan pemilihan projek;
  - iii) Tindakan penyelesaian;
  - iv) Keberhasilan projek (*Outcome/ Impak*) projek; dan
  - v) Potensi pengembangan projek.
- b) Had maksima laporan utama adalah 25 -30 muka surat sahaja (*double sided*) tidak termasuk muka depan dan dokumen sokongan/ apendiks.
- c) Sediakan laporan menggunakan **font Arial bersaiz 12** dan **1.15 spacing**.

### **5.2.3 GAMBAR AHLI KUMPULAN**

- a) Gambar semua ahli kumpulan perlu dikemukakan dalam **format .jpeg**.

### **5.2.4 PENGHANTARAN DOKUMEN**

Setiap penyertaan perlu menyediakan:

- a) **Tiga (3) salinan dokumen (hardcopy)** laporan komprehensif projek inovasi.
- b) **Satu (1) salinan dalam bentuk softcopy**.

Dokumen tersebut perlu **dihantar kepada urus setia KIK** yang beralamat seperti berikut:

**URUS SETIA KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN  
KREATIF (KIK) PERINGKAT JABATAN/AGENSI  
PERSEKUTUAN NEGERI SARAWAK**

Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak  
Tingkat 17, Bangunan Sultan Iskandar  
Jalan Simpang Tiga, 93000 Kuching, Sarawak

Emel: [kikpersekuansrwk@gmail.com](mailto:kikpersekuansrwk@gmail.com)

### **5.2.5 TARikh TUTUP PENGHANTARAN LAPORAN PROJEK KIK**

- a) **Tarikh tutup** penghantaran laporan projek adalah **sebelum atau pada 21 Julai 2023 jam 5.00 petang**.
- b) Kumpulan KIK dikehendaki mengemukakan laporan projek inovasi KIK masing-masing dengan memuatnaik (*upload*) melalui emel ([kikpersekuansrwk@gmail.com](mailto:kikpersekuansrwk@gmail.com)) dan portal ICC (<https://scsiq.sarawak.gov.my>) dalam tempoh yang ditetapkan seperti di para 5.2.5 (a) di atas.
- c) Kegagalan mengemukakan dokumen seperitimana dinyatakan di atas akan menyebabkan penyertaan terbatal.

## **5.3 FORMAT PEMBENTANGAN**

### **5.3.1 Bahasa**

Pembentangan boleh dibuat dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

### **5.3.2 Masa**

- a) Video Montaj : **5 minit (jika ada)**
- b) Pembentangan Projek : **10 minit**
- c) Sesi Soal Jawab : **15 minit**

### **5.3.3 Slaid**

- a) Boleh dalam bentuk **Power point (PPT), MP4 atau PREZIE**.
- b) **Tiada had** bilangan slaid.
- c) Kandungan Slaid
  - i) Mengikut kriteria-kriteria Penilaian Projek yang ditetapkan;
  - ii) *Output (fact & figures)*;
  - iii) *Outcome (fact & figures)*; dan
  - iv) *Impact (fact & figures)*.

### **5.3.4 Kehadiran**

Kumpulan KIK **wajib hadir**:

- a) Sesi pembentangan Konvensyen KIK Jabatan/Agensi Persekutuan Sarawak; dan
- b) Sesi pembentangan dan Viva semasa Konvensyen SCSICA 2023 (untuk finalis SCSICA)

## **6. PERLINDUNGAN HARTA INTELEK**

Projek inovasi yang dipertandingkan di Konvensyen KIK Peringkat Jabatan/Agensi Persekutuan Negeri Sarawak atau Sarawak Civil Service Innovation Convention Awards (SCSICA) digalakkan mendapat **perlindungan harta intelek** daripada badan bertauliah.

## **7. PENGANUGERAHAN DAN HADIAH**

- 7.1 Semua projek KIK yang bertanding akan dinilai oleh panel penilai yang profesional;
- 7.2 Hadiah kepada para pemenang Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Jabatan/Agenzi Persekutuan Negeri Sarawak akan disampaikan semasa majlis penutup;
- 7.3 Hadiah akan diberikan kepada Johan, Naib Johan dan Tempat Ketiga berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan WP 5.3: Peraturan Mengenai Perbelanjaan Sambutan Hari Inovasi seperti berikut:-

<b>PEMENANG</b>	<b>HADIAH BAGI SETIAP PEMENANG</b>
JOHAN	RM 2,500.00, TROFI DAN SIJIL PENGHARGAAN
NAIB JOHAN	RM 1,500.00 DAN SIJIL PENGHARGAAN
TEMPAT KETIGA	RM 700.00 DAN SIJIL PENGHARGAAN

- 7.4 Pemberian hadiah **Johan, Naib Johan dan Tempat Ketiga** kepada para pemenang hanya akan dipertimbangkan dengan syarat jumlah penyertaan **minima lima (5) Kumpulan KIK**.
- 7.5 Jika jumlah penyertaan Kumpulan KIK **kurang dari jumlah minima** yang ditetapkan maka Kumpulan KIK berkenaan hanya akan dipertimbangkan untuk ke peringkat akhir SCSICA jika melepas saringan SCSICA.

## **8. KEPUTUSAN**

**Jawatan kuasa Panel Penilai akan memutuskan:**

- 8.1 para pemenang Anugerah Inovasi sempena Konvensyen KIK Jabatan/Agenzi Persekutuan Sarawak Tahun 2023; dan
- 8.2 pemilihan projek inovasi dan kumpulan yang layak ipertimbangkan ke peringkat akhir SCSICA 2023.
- 8.3 Keputusan Jawatan kuasa Panel Penilai adalah **MUKTAMAD**. Sebarang bantahan tidak akan dilayan.

## **9. PENAFIAN (DISCLAIMER)**

- 9.1 Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak** tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga dan penyertaan akan terbatal sekiranya didapati projek inovasi yang dikemukakan tidak asli/ciplak.
- 9.2** Kecuali jika dilarang oleh undang-undang, penyertaan ke dalam konvensyen ini merupakan kebenaran untuk menggunakan nama pemenang, persamaan, maklumat hadiah, dan maklumat yang diberikan pada borang penyertaan untuk tujuan publisiti, tanpa izin atau pampasan lebih lanjut.
- 9.3 Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak** pada bila-bila masa **berhak membuat sebarang pindaan** terhadap mana-mana bahagian pada syarat-syarat ini tanpa perlu memberi notis atau merujuk kepada pihak peserta konvensyen

## **PERAKUAN DAN PERSETUJUAN**

Bahwasanya saya (**Nama Pegawai**) .....  
bagi pihak (**Nama Kumpulan KIK**) .....  
mengakui telah menerima, membaca dan memahami **Peraturan dan Syarat-Syarat Penyertaan Konvensyen KIK Peringkat Jabatan/Agenzi Persekutuan Sarawak Tahun 2023** dan dengan ini **bersetuju** untuk **mematuhi sepenuhnya** dan terikat oleh yang sama dan sebarang pindaan yang dibuat ke atasnya.

**Tandatangan** : ..... **Cop**

**Jabatan:**

**Nama Ketua Kumpulan** : .....

**Jawatan dan Gred** : .....

**Jabatan/Agenzi** : ..... **Tarikh** : .....

## **10. PERTANYAAN**

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi urus setia program seperti di bawah:

- i) Puan Norhaizum binti Sahril di talian 082-245764(18); atau
- ii) Puan Nur Izzati Shafiqah binti Mohamed Jefferi di talian 082-233239(25)

**Disediakan oleh:**

**Urus setia Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat  
Jabatan/Agensi Persekutuan Negeri Sarawak  
Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak**

**Mei 2023**

## KRITERIA PENILAIAN

BIL. NO.	KRITERIA / MARKAH CRITERIA / MARKS	WAJARAN WEIGHTAGE		BUTIRAN DETAILS
1.	<b>PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG KUMPULAN</b> <i>TEAM INTRODUCTION &amp; BACKGROUND</i>	5%	5%	<p>1.1 Penubuhan dan <b>Latar Belakang</b> Kumpulan, Profil Ahli serta <b>Kemajuan</b> Kegiatan Kumpulan</p> <p>1.1 Establishment and <b>Background</b> of the Group, Profile of Members and <b>Progress</b> of Group Activities</p>
2.	<b>PEMILIHAN ISU / MASALAH YANG HENDAK DISELESAIKAN</b> <i>ISSUE / PROBLEM SELECTION</i>	10%	5%	2.1 <b>Kesesuaian</b> dengan dasar kerajaan / <b>isu-isu penting</b> bagi pemegang taruh (stake holder)
			5%	<p>2.1 <b>Relevance</b> to Policies / <b>Important Issues</b> in the eye of stakeholder</p> <p>2.2 <b>Sasaran</b> yang jelas, tempoh dan tarikh akhir serta <b>Pelan Tindakan</b></p> <p>2.2 Clarity of <b>Target</b>, Deadline and <b>Action Plan</b></p>
3.	<b>PENGENALPASTIAN STATUS SEMASA DAN ANALISIS SEBAB AKIBAT</b> <i>IDENTIFICATION OF CURRENT STATUS AND ANALYSIS OF CAUSES</i>	10%	4%	<p>3.1 Keadaan <b>fakta dan data</b> status semasa berhubung isu / masalah dipilih.</p> <p>3.1 Identification of Current Status Based on <b>Facts / Data</b></p>
			4%	<p>3.2 Kelogikan serta kedalaman <b>analisis sebab dan akibat</b></p> <p>3.2 Logics and depth of <b>Analysis of Causes</b></p>
			2%	<p>3.3 Kesesuaian <b>alat &amp; teknik</b> digunakan</p> <p>3.3 Appropriateness of <b>Tools &amp; Techniques</b> used</p>
4.	<b>RUMUSAN SOLUSI &amp; PENGHASILAN PROJEK</b> <i>SOLUTION FORMULATION &amp; PROJECT IMPLEMENTATION</i>	20%	5%	<p>4.1 Teknik penjanaan idea kreatif dan penghasilan produk solusi (<b>Prototaip</b>)</p> <p>4.1 Techniques to generate creative idea and product solution (<b>Prototype</b>)</p>
			5%	<p>4.2 <b>Tahap kualiti</b> / teknikal (engineering) produk solusi serta <b>verifikasi</b> oleh pakar/pihak bertauliah (<b>Ujicuba</b>)</p> <p>4.2 <b>Quality</b> / Engineering Level of Product Solutions and <b>Verify</b> by Expert (<b>Testing</b>)</p>

BIL. NO.	KRITERIA / MARKAH CRITERIA / MARKS	WAJARAN WEIGHTAGE	BUTIRAN DETAILS
		10%	<p>4.3 <b>Pelaksanaan</b> solusi projek inovasi sepenuhnya (<b>Produk</b>) dilapangan dan tindakan perkongsian (role sharing)</p> <p>4.3 <b>Implementation</b> of a fully-fledged innovation project solution (<b>Product</b>) and role sharing</p>
5.	<b>PENGESAHAN KEBERKESANAN &amp; KEBERHASILAN</b> CONFIRMATION OF EFFECTS	25%	<p>5.1 <b>Keberhasilan (outcome)</b> kepada agensi dan pelanggan berdasarkan <b>fakta / data</b></p> <p>5.1 <b>Confirmation of Effects (outcome)</b> to Agency and Customer (people) based on <b>Facts / Data</b></p>
			<p>5.2 <b>Testimoni</b> pencapaian /pematuhan <b>akreditasi</b> piawaian (<b>standard</b>)</p> <p>5.2 <b>Testimony</b> of achievement / compliance with <b>standard accreditation</b></p>
6.	<b>KELESTARIAN/ PENYERAGAMAN &amp; REPLIKASI</b> STANDARDIZATION / REPLICATION	20%	<p>6.1 <b>Langkah kawalan</b> kelestarian inovasi dan perlindungan harta intelek</p> <p>6.1 <b>Sustainability control and intellectual property protection</b></p>
			<p>6.2 Pengurusan <b>penyeragaman</b> dan <b>replikasi</b></p> <p>6.2 <b>Standardization / Replication</b></p>
7.	<b>PEMERKASAAN BUDAYA INOVASI JABATAN</b> STRENGHTEN ORGANIZATION'S INNOVATION CULTURE	10%	<p>7.1 <b>Pengukuhan budaya</b> inovasi melalui <b>sokongan pengurusan</b></p> <p>7.1 <b>Strengthening</b> innovation <b>culture</b> through <b>management support</b></p>
			<p>7.2 <b>Pembangunan kompetensi</b> kumpulan dan ahli</p> <p>7.2 Leader &amp; Members <b>Competence Development</b></p>